



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENDIDIKAN DAN KERJAYA GURU PEREMPUAN SEKOLAH MELAYU DI JOHOR, 1914-1957.



05-4506832



NUR FARHANA BINTI MOHD KOSNI



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ii

PENDIDIKAN DAN KERJAYA GURU PEREMPUAN SEKOLAH MELAYU DI JOHOR, 1914-1957.

NUR FARHANA BINTI MOHD KOSNI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (/)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

/	

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 6 Julai 2021

i. Perakuan pelajar :

Saya, Nur Farhana Binti Mohd Kosni, M20181001196, Fakulti Sains Kemanusiaan dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis Ijazah Sarjana Sastera bertajuk Pendidikan Dan Kerjaya Guru Perempuan Sekolah Melayu Di Johor, 1914-1957 adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan penyelia :

Saya, Prof. Dr. Khairi Bin Ariffin dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Pendidikan Dan Kerjaya Guru Perempuan Sekolah Melayu Di Johor, 1914-1957 dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Sastera (Sejarah Malaysia).

6 Julai 2021

Tarikh

Tandatangan Penyelia



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIESBORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: PENDIDIKAN DAN KERJAYA GURU PEREMPUAN SEKOLAH MELAYU DI JOHOR, 1914-1957.

No. Matrik / Matric's No.: M20181001196

Saya / I : NUR FARHANA BINTI MOHD KOSNI

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI. *The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan. *Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi. *The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

PROFESSOR MADHYA DR. KHAFIZAH BINTI RAJIB
Fakultas Sains dan Teknologi
Universiti Pendidikan Sultan Idris

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 28 JULAI 2021

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor
& (Nama & Cop Rasmii / Name & Official Stamp)

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Profesor Dr. Khairi bin Ariffin sebagai penyelia utama yang telah banyak membimbing tanpa jemu sehingga kajian ini dapat diselesaikan dengan jayanya. Beliau dengan penuh kesabaran telah meluangkan masa dan mengajar dengan penuh dedikasi serta panduan yang baik dan bernalas, menyumbang idea yang pelbagai dan meluas, menjana buah fikiran yang kreatif dan memberi kritikan yang kritis, membina dan memotivasi sertai menjadi perangsang dan penyokong moral kepada saya untuk melengkapkan latihan ilmiah ini dengan penuh keyakinan, kompetensi, keterampilan, sistematik dan sempurna.

Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada bonda saya iaitu Puan Rubiah binti Tukiman, ayahanda iaitu Encik Mohd Kosni bin Jasman serta suami iaitu Encik Mohamad Azul Fahami bin Sapi atas sokongan moral dan sumber semangat bagi saya untuk menyiapkan kajian ilmiah ini. Tidak lupa juga kepada keluarga dan rakan-rakan yang begitu banyak membantu dan menyokong sehingga kajian ini dapat diselesaikan.

Sekian, terima kasih.

NUR FARHANA BINTI MOHD KOSNI





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengkaji pendidikan dan kerjaya guru perempuan Sekolah Melayu di Johor bermula pada tahun 1914 hingga tahun 1957. Kesan daripada kurangnya pendedahan pendidikan kepada anak-anak perempuan berbanding anak-anak lelaki, tidak ramai dalam kalangan anak perempuan ini yang menjadi golongan cerdik pandai dan layak menjadi tenaga pengajar di sekolah-sekolah Melayu. Ini menyebabkan bidang perguruan lebih dimonopoli oleh golongan lelaki. Wujud jurang yang begitu ketara antara guru lelaki dan guru perempuan. Jurang ini tidak terhad kepada bilangan guru sahaja, namun juga melibatkan perbezaan gaji, pemberian elaun, kenaikan pangkat serta pembiayaan peribadi. Kajian ini adalah olahan dan nilai hasil daripada rujukan sumber dokumen primer dan sekunder dari Arkib Negara Malaysia dan Perpustakaan Tunku Bainun Universiti Pendidikan Sultan Idris. Semua data yang diperoleh hasil analisis terhadap sumber primer dan sekunder ditulis laporan dalam bentuk deskriptif naratif. Hasil kajian mendapat bahawa wujud perbezaan antara guru lelaki dan guru perempuan dalam pelbagai aspek seperti pembayaran gaji, elaun, kenaikan pangkat serta pembiayaan dan pinjaman wang. Perbezaan ini menunjukkan ketidakadilan pentadbiran kerajaan kolonial British dalam memberikan hak yang sepatutnya kepada guru-guru perempuan. Terdapat banyak permohonan yang meminta agar kerajaan mempertimbangkan semula pembayaran gaji agar diberikan sama rata, kerana guru perempuan juga menanggung beban tugas yang sama dengan guru lelaki. Namun begitu, masih ada hak dan kebaikan untuk guru-guru perempuan yang dijaga dengan baik, contohnya cuti bersalin. Secara kesimpulannya, kajian ini menunjukkan terdapatnya layanan berat sebelah yang nyata memberi tekanan kepada guru-guru perempuan sekolah Melayu di Johor, mengakibatkan bidang ini kurang diceburi sehingga ada sekolah Melayu yang terpaksa ditutup kerana ketiadaan guru. Implikasi kajian ini menjelaskan bahawa pendidikan adalah sangat penting untuk memajukan diri dan memperbaiki taraf hidup. Golongan cendikiawan dan berilmu yang membawa kepada kemajuan bangsa adalah lahir dari kesamarataan hak dalam menuntut ilmu yang tidak dibezakan mengikut gender.





EDUCATION AND CAREER OF WOMAN TEACHERS MALAY SCHOOL IN JOHOR, 1914-1957

ABSTRACT

This study aims to examines the education and careers of female teachers in Johor Malay School began in 1914 until 1957. As a result of the lack of exposure to the education of girls compared to boys, not many of the girls who become intellectuals and qualified to be a teacher in Malay schools. This has led to more male-dominated colleges. There is such a significant gap between male and female teachers. This gap is not limited to the number of teachers only, but also involves salary differences, allowances, promotions and personal funding. This study was prepared and evaluated based on the reference of primary and secondary sources from the National Archives of Malaysia and the Tunku Bainun Library of the Idris University of Education. All data obtained by analysis of primary and secondary sources are written in a descriptive narrative. The study found that there are differences between male and female teachers in various aspects such as payroll, allowances, promotions and loans and money lending. These differences reflect the injustice of the colonial government in granting proper rights to female teachers. There have been numerous requests for the government to reconsider paying salaries evenly, as female teachers also bear the same burden as male teachers. However, the rights and welfare of female teachers are still well taken care of, such as maternity leave. In conclusion, this study shows that there is a bias that puts pressure on female teachers in Johor Malay schools which resulted a less involved, so that there are fewer schools had to be closed due to lack of teachers. The implications of this study explain that education is very important in developing and improving social mobility. The intellectuals and the knowledge that lead to the development of the nation are born out of the equality of rights in the pursuit of knowledge which are not differentiated by gender.





KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGAKUAN	iii
PENGHARGAAN	v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI CARTA	xv
SENARAI PETA	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Latar Belakang	1
1.2 Penyataan Masalah	4
1.3 Objektif Kajian	5
1.4 Soalan Kajian	6
1.5 Metodologi Kajian	6





1.6	Kepentingan Kajian	8
1.7	Skop Kajian	9
1.8	Sorotan Kajian	10
1.9	Definisi Istilah	18
1.10	Pembahagian Bab	19
1.11	Kesimpulan	23

BAB 2 LATAR BELAKANG PENDIDIKAN MASYARAKAT MELAYU DI JOHOR

2.1	Latar Belakang Negeri Johor	24
2.2	Pendidikan Masyarakat di Negeri Johor	30
	Pendidikan Masyarakat	
2.2.1	Sekolah Cina	
2.2.2	Sekolah Tamil	33
2.2.3	Sekolah Inggeris	36
2.3	Pendidikan Orang Melayu	45
2.3.1	Pendidikan Tradisional	45
2.3.2	Pendidikan Formal	47

BAB 3 PERKEMBANGAN PENDIDIKAN GURU-GURU PEREMPUAN SEKOLAH MELAYU DI JOHOR

3.1	Pendidikan Anak-anak Perempuan Melayu di Johor	71
3.2	Dasar Pendidikan British Terhadap Anak-anak Perempuan Melayu	87





3.3	Guru Perempuan Melayu Pada Zaman Kolonial British	93
3.4	Latihan Perguruan Guru Perempuan Melayu	100

BAB 4 KEMUDAHAN PERKHIDMATAN AWAM YANG DIPEROLEH OLEH GURU-GURU PEREMPUAN MELAYU DI JOHOR

4.1	Gaji dan elaun	115
4.2	Kenaikan pangkat	130
4.3	Pencen	134
4.4	Cuti Bersalin dan Cuti Lain-lain	136
4.5	Kemudahan Kuarters dan Elaun Perumahan	139
4.6	Kemudahan Pembayaran Wang	146



BAB 5 ISU DAN CABARAN GURU-GURU PEREMPUAN SEKOLAH MELAYU DI JOHOR

5.1	Isu Gaji Guru Perempuan	149
5.2	Beban Tugas	154
5.3	Isu Tawaran Kenaikan Pangkat (<i>Promotion</i>)	161
5.4	Penempatan	166

BAB 6 KESIMPULAN

RUJUKAN





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka surat
2.1 Senarai Sekolah Tamil Johor	35
2.2 Senarai Kakitangan Sekolah Inggeris di Johor 1935	37
2.3 Senarai Kehadiran dan pendaftaran Sekolah Inggeris (Lelaki) di Johor 1935-1936	43
2.4 Senarai Perbelanjaan menaiktaraf Jabatan Pendidikan Johor	53
2.5 Senarai Sekolah-sekolah Melayu di Negeri-negeri Selat, Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu	54
2.6 Senarai Bilangan Pelajar Dan Sekolah di Johor Tahun 1929-1933	66
2.7 Senarai Sekolah Agama lelaki di Johor	67
2.8 Senarai Sekolah Agama Perempuan di Johor	68
3.1 Senarai Sekolah Kerajaan	78
3.2 Senarai Carta Sekolah Melayu dan Murid-muridnya Tahun 1941 Hingga 1948	85
3.3 Senarai <i>Malay Girls' School & Scholars</i>	88
3.4 Senarai Sekolah-sekolah Di Seluruh Negeri Johor dalam Tahun 1939	89
3.5 Senarai Keputusan Peperiksaan Darjah IV, Sekolah Perempuan Melayu	92
3.6 Senarai Jumlah Guru Yang Terlatih Dan Tidak Terlatih	98
3.7 Senarai Pusat Latihan Guru Mengikut Tahun penubuhannya	101
3.8 Jadual Waktu Penuntut Seharian Di Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka (MPPMM)	109
3.9 Senarai Guru Pelatih di Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka 1938	113
4.1 Senarai Anggaran Perbelanjaan Bulanan Guru-guru Sekolah Melayu di Johor	117





4.2	Senarai Kadar Gaji Guru-guru Sekolah Melayu di Johor	121
4.3	Senarai Kakitangan Sekolah Perempuan Melayu	130
4.4	Senarai <i>The Grade I Teachers Selected For Promotion 1948</i>	131
4.5	Senarai Cadangan Pemberian Motor, Basikal, Sewa dan Elaun Lain-lain Berdasarkan Undi, Jabatan Pendidikan Johor	140
4.6	Senarai Cadangan Pemberian Motor, Basikal, Sewa dan Elaun Lain-lain Berdasarkan Undi, Jabatan Pendidikan Muar	142
4.7	Senarai Cadangan Pemberian Motor, Basikal, Sewa dan Elaun Lain-lain Berdasarkan Undi, Jabatan Pendidikan Segamat	143
5.1	Senarai Kakitangan Sekolah Perempuan Melayu	162
5.2	Senarai Kakitangan Telah Berkhidmat 15 Tahun Atau Lebih	164





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka surat
2.1 <i>Superintendent Of Education Malay Vernacular School in Johore</i>	57
2.2 Jawatankuasa Sekolah Agama Melayu di Johor 1935	64





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xiv

SENARAI CARTA

No. Carta

Muka surat

4.1	<i>Departmental Barracks & Labourers' Lines</i>	144
-----	---	-----



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

XV

SENARAI PETA

No. Peta

Muka surat

2.1 Peta Negeri Johor

25



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI SINGKATAN

ANM	Arkib Negara Malaysia
ANMCJM	Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor Melaka
Asst	Assistant
Bil	Bilangan
DYMM	Duli Yang Maha Mulia
FOJ	<i>Federation Of Johore</i>
G.A	<i>General Adviser</i>
Hlm	Halaman
INTAN	Institut Tadbiran Awam Negara
J/UG	Jabatan Ugama
JAJ	Jabatan Agama Johor
Jld	Jilid
JMBRAS	<i>Journal of Malaysian Royal Asiatic Society</i>
Kg	Kampung
LBPBP	Laporan Bahagian Pendidikan Bahagian Pendidikan
M.A	Master
MWTC	<i>Malay Women's Training College</i>





S.Secretary

State Secretary

SITC

Sultan Idris Training College

SS

Straits Settlement

SSD

Singapore and Straits Directory

UMTA

Union of Malay Teachers Association

Vern

Vernakular

Vol

Volume

YM

Yang Mulia





BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Latar Belakang

Guru-guru di sekolah Melayu berperanan dalam menyumbang kepada corak pendidikan moden mengikut acuan barat. Namun, guru Melayu kebanyakannya terdiri dalam kalangan lelaki. Pendidikan kanak-kanak perempuan Melayu yang berkembang lebih perlahan berbanding pendidikan kanak-kanak Melayu lelaki mendorong kepada kurangnya pelantikan guru perempuan Melayu di sekolah-sekolah Melayu. Sekolah Melayu pertama di Johor terletak di Padang Istana Besar, Johor Bahru. Bangunannya merupakan sebuah bangsal panjang yang menggunakan atap dan papan.¹

¹ Abdullah Zakaria Bin Ghazali & Zainal Abidin Borhan. (1994). *Johor Dahulu dan Sekarang*. Kuala Lumpur: Peraturan Muzium Malaysia. Hlm 164.





Sekolah Melayu pertama di Johor telah dibina pada tahun 1878 untuk kanak-kanak lelaki. Pada 1911 pula sekolah Melayu telah dibina untuk kanak-kanak perempuan di Muar secara gotong-royong. Namun pada tahun 1912 sekolah tersebut telah diambil oleh kerajaan dan diberi nama baru iaitu sekolah Perempuan Bandar Maharani Muar daripada nama asalnya Sekolah Perempuan Sukapati.² Pada tahun 1884 Maharaja Abu Bakar telah menitahkan pembukaan sekolah-sekolah, khususnya sekolah Melayu di daerah-daerah negeri Johor untuk membolehkan seramai mungkin anak negeri menerima pendidikan. Anak-anak lelaki Melayu diwajibkan menghadiri persekolahan secara percuma. Sementara anak-anak perempuan Melayu pula hanya digalakkan berbuat demikian sebagai menghormati adat resam dan tradisi berkaitan anak-anak perempuan.³



pernah lupa tentang perlunya pendidikan untuk anak-anak perempuan. Ketika baginda menetap di Teluk Belanga, telah wujud sekolah khas untuk anak-anak perempuan di situ namun sekolah ini akhirnya ditutup kerana kekurangan pelajar.⁴ Kepercayaan dan amalan tradisional orang Melayu telah mengakibatkan ramai anak-anak perempuan tidak berpeluang untuk mendapatkan pendidikan di sekolah. Kemudian keadaan jumud ini mulai berubah setelah ibu bapa mulai sedar bahawa anak-anak perempuan harus mendapatkan pendidikan yang sewajarnya seperti anak-anak lelaki.

² Rahimah Abdul Aziz. (2000). *Pembaratan Pemerintahan Johor 1800-1945: Suatu Analisis Sosiologi Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm 105.

³ Rahimah Abdul Aziz & Rahmat Saripan. (2002). *Pendidikan Asas Kemajuan Minda & Material di Johor*. Yayasan Warisan Johor. Hlm 2.

⁴ Abdullah Zakaria Bin Ghazali & Zainal Abidin Borhan. (1994). *Johor Dahulu dan Sekarang*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia. Hlm 166.





Halangan anak-anak perempuan untuk pergi ke sekolah turut dikaitkan dengan keadaan ekonomi kebanyakan keluarga orang Melayu ketika itu. Pendapatan yang kecil menyebabkan kedua-dua ibu bapa perlu bekerja dan mencari rezeki demi menyara anak-anak mereka. Ironinya, anak-anak perempuan ini seringkali diletakkan tanggungjawab ke atas bahu mereka sama ada sebagai tenaga kerja untuk membantu ibu bapa di ladang mahupun sebagai penjaga kepada adik-adik mereka di rumah ketika ditinggalkan oleh ibu bapa. Sememangnya kebanyakan perempuan Melayu pada zaman tradisi hanya melalui peringkat pendidikan secara informal di rumah. Pendidikan yang diberi adalah terhad mengikut kesesuaian dan keperluan semasa zaman tersebut iaitu melaksanakan urusan rumahtangga dan pembantu kepada lelaki untuk meringankan beban keluarga.⁵

Perkembangan pendidikan sekolah Melayu mulai jelas ketara apabila terdapatnya undang-undang yang memaksa dan mewajibkan ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Kehadiran diwajibkan ke atas anak-anak lelaki, sementara galakan harus diberikan kepada anak-anak perempuan untuk hadir ke sekolah.⁶ Pada 1915, Undang-undang Kedatangan Sekolah telah dilancarkan bagi memaksa anak-anak lelaki Islam yang tinggal berhampiran dengan sekolah kerajaan untuk hadir dan belajar di sekolah-sekolah itu. Undang-undang ini kemudiannya diperluas meliputi anak-anak perempuan Islam.⁷

⁵ Wahibah Twahir. (1995). *Ketokohan Wanita Dalam Sejarah Pendidikan Islam Malaysia: Kajian Khusus di Negeri Kelantan*. Disertasi Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya. Hlm 134-135.

⁶ Rahimah Abdul Aziz. (2000). *Pembaratan Pemerintahan Johor 1800-1945: Suatu Analisis Sosiologi Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm 118.

⁷ Ibid.





Kaum perempuan duduk di belakang kaum lelaki dalam hierarki masing-masing dan menikmati atau menanggung beban pencapaian suami atau keluarga masing-masing.⁸ Kelihatannya seperti tidak penting, namun kaum perempuan masih mempunyai peranan tertentu dalam lingkungan kemasyarakatan, ekonomi dan kuasa.⁹ Sepanjang tempoh awal abad ke-20 telah menyaksikan semakin meningkatnya kesedaran orang Melayu terhadap pentingnya pendidikan untuk anak-anak perempuan. Kemunculan sekolah untuk anak-anak lelaki yang semakin banyak menjadi salah satu pendorong kepada orang Melayu untuk memikirkan masa depan anak-anak perempuan.

1.2 Penyataan masalah

British telah mengeluarkan Akta Pelajaran 1890 yang mewajibkan anak-anak lelaki dan perempuan untuk dihantar ke sekolah bagi mendapatkan pendidikan sebagaimana yang berlaku dalam perkembangan pendidikan sekolah vernakular Melayu di Johor. Pelajar lepasan dari sekolah-sekolah Melayu ini ada yang kemudiannya diserap masuk sebagai guru-guru di sekolah Melayu. Sejak peringkat rendah lagi, keperluan dan hak untuk mendapatkan pendidikan bagi anak-anak perempuan sentiasa terkebelakang berbanding dengan anak-anak lelaki. Bilangan guru perempuan seringkali tidak mampu menyaingi bilangan guru lelaki. Kekangan mendapatkan pendidikan berikutan sikap negatif ibu bapa terhadap pendidikan anak-anak perempuan serta kekurangan latihan

⁸ Mahani Musa. (2005). *Sejarah & Sosioekonomi Wanita Melayu Kedah 1881-1940*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm 31.

⁹ Ibid. Hlm 31.





perguruan yang diusahakan British menyebabkan bekalan guru perempuan Melayu ini sangat terhad.

Pembayaran gaji yang berbeza yang diterima antara guru lelaki dan perempuan ini menyaksikan bilangan guru perempuan di sekolah-sekolah Melayu ini tidak mendapatkan hak yang sama seperti guru lelaki. Namun begitu, kebajikan guru perempuan Melayu ini masih lagi dijaga merangkumi elaun, kenaikan pangkat, cuti bersalin dan sebagainya. Peluang pekerjaan sebagai guru juga hanya terbuka kepada segelintir anak-anak perempuan sahaja terutama yang tinggal di bandar-bandar ataupun anak daripada golongan atasan. Hal ini membawa kepada masalah kekurangan guru perempuan yang kritis sehingga ada sekolah yang terpaksa ditutup kerana ketiadaan guru.



1.3 Objektif

Terdapat beberapa objektif yang menjadi tujuan kajian ini dijalankan, antaranya ialah:

1. Mengkaji latar belakang pendidikan masyarakat Melayu di Johor
2. Mengkaji perkembangan pendidikan guru-guru perempuan sekolah Melayu di Johor
3. Mengkaji kemudahan perkhidmatan awam yang diperoleh oleh guru-guru perempuan sekolah Melayu di Johor
4. Menganalisis isu dan cabaran yang dihadapi guru-guru perempuan sekolah Melayu di Johor





1.4 Soalan kajian

Dalam kajian ini, terdapat beberapa persoalan yang telah dikenalpasti oleh pengkaji untuk mencapai objektif yang bertepatan dengan tajuk kajian ini. Beberapa persoalan kajian telah dikenalpasti iaitu:

1. Bagaimana latar belakang pendidikan masyarakat Melayu di Johor?
2. Sejauhmanakah perkembangan pendidikan guru-guru perempuan sekolah Melayu di Johor?
3. Sejauhmanakah kemudahan perkhidmatan awam yang diperoleh oleh guru-guru perempuan sekolah Melayu di Johor?
4. Apakah isu dan cabaran yang dihadapi guru-guru perempuan sekolah Melayu di Johor?



1.5 Metodologi kajian

Dalam menyiapkan penulisan ini, pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif. Pengkaji menekankan cara analisis dokumen dan manuskrip. Pengkaji telah mendapatkan sumber yang terdiri daripada sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer yang diperolehi melalui Arkib Negara Malaysia dan Arkib Negara Johor Bharu adalah seperti *Johore Annual Report*, *General Adviser*, *Johore Gazette*, dokumen seperti fail-fail kolonial British, laporan seperti *Education Report in Johore* serta apa sahaja yang berkaitan dengan guru perempuan Melayu serta pendidikan sekolah Melayu di Johor. Sumber-sumber yang diperolehi ini telah dianalisis dan diinterpretasikan bagi membantu penulisan kajian ini. Tafsiran sejarah yang





menggunakan pendekatan hermeneuetik iaitu dengan membuat tafsiran terhadap fakta-fakta sejarah dengan bantuan dokumen-dokumen yang diperolehi.¹⁰

Di samping itu, pengkaji juga bergantung kepada sumber sekunder yang berkaitan dengan kajian-kajian lepas. Sumber ini telah diperolehi dari perpustakaan-perpustakaan seperti Perpustakaan Tunku Bainun Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perpustakaan Negeri Johor dan Perpustakaan Negara bagi mendapatkan buku-buku, majalah dan kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk yang di buat iaitu Kemudahan Dan Kebajikan Guru-guru Perempuan Pendidikan Sekolah Melayu di Johor.

Pengkaji juga telah melakukan temubual bersama beberapa orang penduduk tempatan yang veteran. Ini dilakukan bagi mengukuhkan analisis dokumen yang didapati daripada Arkib Negara Malaysia dan menyokong penulisan yang dibuat oleh pengkaji dalam kajian yang dilakukan. Semua data yang diperolehi hasil analisis terhadap sumber-sumber primer dan sekunder ditulis laporan dalam bentuk deskriptif naratif. Pengkaji telah membuat penyusunan isi kandungan mengikut tema. Pembahagian tematik ini penting bagi menampakkan kejelasan dan kesinambungan bagi keseluruhan kajian.

¹⁰ Nabir Hj Abdullah, Ishak Saat & Fairisa Othman. (2013). *Kaedah Penyelidikan & Penulisan Sejarah*. Emeritus Publications. Hlm 110.





1.6 Kepentingan kajian

Kajian ini dilakukan bagi memudahkan masyarakat memahami latar belakang pendidikan guru-guru perempuan sekolah Melayu di Johor. Kajian ini mampu menjadi sumber pencejarian dalam konteks pendidikan dan masyarakat. Melalui kajian ini, pembaca akan lebih memahami dengan lebih mendalam tentang perkembangan pendidikan yang diperoleh oleh anak-anak perempuan di sekolah Melayu di Johor serta kerjaya guru-guru perempuan sekolah Melayu yang merangkumi isu dan cabaran dalam kerjaya mereka. Selain itu, kajian ini juga penting dalam menjadi perintis kepada kajian berkaitan dengan pendidikan dan masyarakat di Johor khususnya. Kajian ini akan menjadi khazanah pendidikan bagi menambah koleksi kajian berkaitan bidang pendidikan di universiti. Tambahan lagi, kajian ini juga mampu menjadi pendorong kepada kajian-kajian lokal yang lebih banyak dan meluas tentang sejarah masyarakat Melayu terutama di Johor.

Selain untuk menambahkan sumber bacaan bagi generasi akan datang, kajian ini juga akan menjadi panduan kepada kerajaan untuk mereka memahami dengan lebih teliti sejarah pendidikan pada masa silam supaya mampu menentukan dasar-dasar pendidikan yang terbaik untuk rakyat. Diharapkan, kajian ini dapat memberi pengetahuan yang lebih mendalam kepada masyarakat tempatan tentang bagaimana corak pendidikan sekolah Melayu yang dianjurkan oleh British serta sejauhmana guru perempuan ini berperanan dalam mengelolai sistem pendidikan yang dijalankan.



1.7 Skop kajian

Kajian ini memberi fokus kepada negeri Johor yang terdiri daripada 10 daerah, 91 mukim, 507 kampung induk dan 2002 rangkaian kampung. Kawasan kajian ini meluas dan meliputi keseluruhan kawasan negeri Johor seluas 1,917,400 hektar yang juga merupakan negeri ke-5 terluas di Malaysia.

Skop kajian dalam penulisan ini meliputi jangka waktu selama 43 tahun yang bermula daripada tahun 1914 hingga 1957. Tahun 1914 dipilih sebagai tempoh permulaan kajian kerana pada tahun itu Johor mula menerima penasihat seorang penasihat am British. Penerimaan residen British di Johor menandakan bermulanya pengaruh British dalam pelbagai aspek terutamanya pendidikan. Tempoh kajian ini berakhir pada 1957 kerana pada tahun tersebut Tanah Melayu mencapai kemerdekaan dan ini menghentikan campur tangan British dari sudut pendidikan di Johor.

Aspek yang difokuskan dalam kajian ini adalah tentang pendidikan yang diperoleh oleh anak-anak perempuan Melayu pada era kolonial British. Ketidaksamarataan dalam hak mendapatkan pendidikan menyebabkan anak-anak perempuan ini sukar untuk menyambung pelajaran di sekolah-sekolah Melayu. Maka ini menjadikan kemajuan anak-anak perempuan Melayu dalam pendidikan sangat terhad jika dibandingkan dengan anak-anak lelaki. Dalam kerjaya guru di sekolah-sekolah Melayu, jumlah guru-guru perempuan Melayu amat sedikit berbanding guru lelaki. Hal ini menjadi cabaran yang besar buat guru-guru perempuan apabila terpaksa menghadapi persaingan dengan guru-guru lelaki dalam pelbagai aspek.

Justeru itu, kajian ini dapat mengukuhkan gambaran tentang cabaran yang dihadapi oleh guru-guru perempuan ini seawal mereka mendapatkan pendidikan formal sehingga memasuki alam pekerjaan sebagai guru sekolah Melayu di Johor. Aspek utama yang ditekankan di dalam kajian ini adalah bertujuan untuk mencapai objektif kajian.

1.8 Sorotan kajian

Muhammad Ridzuan Bin Idris dalam tesisnya bertajuk *Perkembangan Pendidikan Wanita Melayu Di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1896-1941*, telah membincangkan secara terperinci berkenaan isu pendidikan, cabaran dan kesannya terhadap wanita Melayu di tanah Melayu. Perbincangan dalam kajian ini lebih memfokuskan tentang bagaimana pendidikan tradisional telah mengekang peluang anak-anak perempuan Melayu untuk mendapatkan pendidikan yang sewajarnya. Penulis ada menyebut bahawa tindakan British yang memandang enteng serta ketiadaan perancangan yang teliti terhadap kemajuan pendidikan anak-anak perempuan Melayu menyebabkan golongan ini sentiasa berada di belakang berbanding anak-anak lelaki.¹¹ Menurut penulis, pada peringkat awal penubuhan Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB), agak sukar untuk mendapatkan anak-anak perempuan yang ingin ke sekolah. Hal ini membawa kepada usaha guru-guru Melayu bersama-sama ketua kampung atau penghulu untuk mencari dan memujuk mana-mana anak-anak perempuan yang layak untuk disekolahkan.

¹¹ Muhammad Ridzuan Bin Idris. (2016). *Perkembangan Pendidikan Wanita Melayu Di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1896-1941*. Disertasi Fakulti Sastera Dan Sains Sosial Universiti Malaya, Kuala Lumpur.



Apa yang jelas adalah jumlah pelajar yang mencukupi sangat diperlukan dalam membolehkan sesebuah sekolah beroperasi. Tambahan lagi, kerajaan British menetapkan syarat yang ketat dari segi bilangan pelajar dan kedatangan sebelum bantuan kewangan diberikan. Penulis menjelaskan dengan begitu terperinci tentang kesukaran mendapatkan pendidikan bagi anak-anak perempuan Melayu ini telah menjaskas peluang mereka untuk bekerja dalam bidang perguruan.

Menurut penulis lagi, latihan perguruan yang diterima oleh guru-guru perempuan Melayu ini adalah sangat terhad dan apabila mereka mengajar, pengajaran tersebut tidak membantu meningkatkan keintelektualan anak-anak sekolah Melayu. Apa yang menarik lagi adalah perbincangan yang dibuat oleh penulis agak mendalam dan banyak menggunakan sumber-sumber primer berbanding sekunder. Penulisan ini menjadi rujukan utama penulis dalam memahami isu dan halangan yang dihadapi golongan wanita di Tanah Melayu dalam mendapatkan pendidikan yang sewajarnya. Penulisan penulis lebih memfokuskan pendidikan perempuan Melayu di Negeri-negeri Melayu Bersekutu, namun skop kajian pengkaji hanya memfokuskan pendidikan perempuan Melayu di negeri Johor sahaja.

Pengkaji juga turut merujuk jurnal bertajuk *Kurikulum Pelajaran Vernakular Melayu di Tanah Melayu Pada Zaman Kolonial British Sehingga Perang Dunia Kedua* hasil kajian ahli akademik Universiti Pendidikan Sultan Idris iaitu Khairi bin Ariffin, Ramli Bin Saadon dan Ismail Ali. Pengkaji telah menjadikan jurnal ini sebagai rujukan untuk mengenal dengan lebih dalam tentang sejauh mana kualiti pendidikan dan kurikulum yang diperkenalkan oleh British kepada anak-anak Melayu. Dapat disimpulkan bahawa sistem vernakular telah diperkenalkan oleh kolonial British untuk





memberi pengetahuan kepada anak-anak orang Melayu supaya mereka berkebolehan untuk membaca, menulis dan mengira.

Malangnya, kurikulum yang diperkenal dan dilaksanakan hanya berada di tahap yang rendah dan tidak mempunyai hala tuju untuk meningkatkan taraf akademik anak-anak Melayu ke peringkat lebih tinggi. Penulis menekankan bahawa tujuan kolonial British melaksanakan pelajaran dalam kalangan anak-anak Melayu adalah sebagai salah satu cara untuk mewujudkan kestabilan politik, mengekalkan status quo orang Melayu, melahirkan pekerja-pekerja rendah dan menghapuskan buta huruf semata-mata. Gambaran jelas ditunjukkan oleh penulis dalam jurnal ini bahawa British mempunyai niat lain yang tidak sejajar dengan sangkaan baik orang Melayu bahawa pendidikan yang diperkenalkan kepada mereka adalah untuk menaik taraf tahap mobiliti sosial mereka. Penulisan ini merupakan antara rujukan utama yang digunakan oleh pengkaji dalam menghasilkan kajian ini.

Di dalam kajian bertajuk “*Now we want Malays to awake*”: *Malay Women Teachers in Colonial Johor and their Legacy* yang ditulis oleh Anna Maree Doukakis dari Universiti New South Wales Australia juga menerangkan dengan mendalam tentang keadaan guru-guru wanita Melayu pada zaman kerajaan kolonial negeri Johor.¹² Beliau mengisi penulisannya dengan menceritakan kisah seorang wanita bernama Zainon Bte Sulaiman yang telah memecah tradisi orang Melayu pada zaman British dengan muncul sebagai seorang wanita yang berpendidikan, menjadi guru di

¹² Anna Maree Doukakis. (2011). *Now we want Malays to awake: Malay Women Teachers in Colonial Johor and their Legacy*. Thesis from University of New South Wales Australia.





sekolah vernakular Melayu seterusnya berjaya memegang jawatan penting sebagai Penyelia Sekolah Perempuan Melayu di Johor.

Pada akhir tahun 1930-an, beliau dilihat sebagai seorang yang berperanan penting dalam organisasi professional dan penerbitan yang melibatkan guru wanita Melayu sepanjang pemerintahan British. Hal ini telah menjadi perintis bagi dunia pendidikan wanita Melayu pada zaman itu. Penulis ada menyatakan dengan jelas tujuan penulisan beliau adalah berfokus berkenaan guru perempuan Melayu serta pendidikan anak-anak perempuan sewaktu pemerintahan British di Malaya dalam tempoh 1920-an hingga 1930-an. Tempoh ini telah menyaksikan berlakunya perkembangan persekolahan bagi anak-anak Melayu. Berdasarkan tujuan utama penulisan ini, penulis berjaya mencapai objektifnya melalui gambaran jelas tentang bagaimana kesukaran mendapatkan pendidikan oleh anak-anak perempuan Melayu yang didorong oleh sikap tradisional orang Melayu serta sikap sambil lewa British dalam soal memberikan pendidikan sewajarnya kepada anak-anak perempuan Melayu ini.

Kemudian lama kelamaan, tradisi lama orang Melayu yang tidak menggalakkan untuk anak-anak perempuan memperoleh pendidikan yang tinggi mulai berubah seiring dengan pertambahan sekolah perempuan Melayu sekitar tahun 1920-an hingga tahun 1930-an. Menurut penulis, guru wanita Melayu tidak hanya menerima idea-idea moden dari pihak British, namun mereka berusaha untuk menyumbang kepada identiti Melayu yang berkembang serta berunding untuk mencapai kedudukan kuasa dan kepimpinan, juga menentukan bentuk dan kandungan dalam sekolah perempuan vernakular Melayu.





Penerangan penulis dalam kajiannya begitu jelas dan kukuh serta sangat mudah difahami. Bukti-bukti daripada sumber primer yang banyak digunakan disamping sumber sekunder juga cukup membantu pengkaji dalam menghasilkan kajian yang baik dan teliti. Kajian penulis banyak memberi penekanan kepada pendidikan untuk anak-anak perempuan Melayu dan turut menyentuh tentang perjalanan mereka menjadi seorang guru menerusi pendidikan yang diperolehi, manakala pengkaji lebih memfokuskan kepada isu dan cabaran yang dihadapi oleh anak-anak perempuan ini setelah mereka menjadi seorang guru di sekolah Melayu.

Kesukaran mendapatkan pendidikan oleh anak-anak Melayu diburukkan lagi dengan niat buruk British untuk memastikan anak Melayu tidak lahir sebagai golongan bijak pandai. Kenyataan ini dihuraikan dengan jelas oleh Ramlah Adam di dalam bukunya iaitu *Maktab Melayu Melaka 1900-1922*.¹³ British beranggapan jika mereka memberikan pelajaran yang tinggi kepada anak-anak Melayu, maka bertambahlah bilangan orang Melayu yang cerdik pandai dan mampu memegang jawatan-jawatan penting di bandar. Ini pastinya akan menimbulkan kekacauan dan menggugat kedudukan British jika golongan bijaksana ini mula menuntut hak-hak ekonomi, sosial dan politik daripada kuasa British. Huraian Ramlah Adam di dalam bukunya memberikan gambaran jelas terhadap suasana pendidikan anak-anak Melayu sewaktu kedatangan British. Penulisan ini sangat membantu pengkaji untuk memahami dengan lebih dalam keadaan pendidikan orang Melayu sewaktu sebelum merdeka.

¹³ Ramlah Adam. (1991). *Maktab Melayu Melaka, 1900-1922*. Dewan Bahasa dan Pustaka.





Di dalam buku *Pendidikan Di Malaysia: Dahulu dan Sekarang* yang diterbitkan oleh persatuan Sejarah Malaysia mengandungi beberapa eseи mengenai pendidikan sekolah Melayu.¹⁴ Pengkaji telah merujuk eseи yang bertajuk *Melaka: Orang Melayu dan Pendidikan Sekular* yang ditulis oleh Abd. Rahim bin Abdullah. Di dalam eseи ini penulis begitu teliti membincangkan soal keterbatasan golongan wanita untuk mendapatkan pendidikan formal. Ini didorong oleh pemikiran tradisional ibu bapa Melayu yang menganggap golongan wanita ini hanya perlu duduk di dapur dan menguruskan rumah tangga semata-mata.

Namun selepas Perang Dunia Kedua, sikap ini akhirnya berubah dan pendidikan terhadap anak-anak perempuan menjadi suatu perkara yang penting. Pengkaji merujuk penulisan ini sebagai rujukan sampingan kerana skop kawasan kajian penulisan ini tidak menepati skop kawasan kajian yang dikaji oleh pengkaji.¹⁵ Namun begitu, penulisan ini mampu memberikan gambaran yang tepat terhadap cabaran yang dihadapi oleh golongan wanita untuk mendapatkan pendidikan formal. Isu yang dibincangkan oleh penulis bertepatan dengan tajuk kajian pengkaji. Penulisan ini juga wajar dijadikan rujukan kerana penulis banyak menggunakan sumber-sumber primer dan sekunder yang tidak meragukan dan diyakini kesahihannya.

Begitu juga menurut Atan Long dalam bukunya *Fikiran-fikiran Tentang Pendidikan*, beliau ada mengupas tentang pendidikan Melayu di dalam sub-topik *Perkembangan Pelajaran dan Pendidikan Melayu di Malaysia*.¹⁵ Dalam penulisannya, penulis ada menyatakan bahawa sekolah-sekolah yang mula-mula dibuka di

¹⁴ *Pendidikan Di Malaysia: Dahulu dan Sekarang*. (1980). Persatuan Sejarah Malaysia: Kuala Lumpur.

¹⁵ Atan Long. (1979). *Fikiran-fikiran Tentang Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.





Persekutuan Tanah Melayu adalah diusahakan oleh oleh badan-badan pengembara agama Kristian dan bukannya oleh kerajaan yang memerintah. Sekolah-sekolah ini tidak begitu mendapat sambutan disebabkan faktor-faktor tertentu iaitu kerana pelajaran di sekolah ini dianggap tidak memberikan faedah kepada kehidupan mereka yang sangat sederhana pada waktu itu di samping sikap anti-kafir serta kebimbangan bahawa anak-anak mereka akan terpengaruh dengan dakyah yang dibawa oleh para mubaligh Kristian.

Penulis menggambarkan dengan jelas bagaimana British sendiri mengambil ringan terhadap pendidikan orang-orang Melayu. Pengkaji telah merujuk buku ini sebagai rujukan tambahan kerana idea-idea yang padu dan bernas disusun dengan cantik oleh penulis di dalam buku beliau. Walau bagaimanapun, penulis kurang menyatakan sumber-sumber sahih yang digunakan bagi menguatkan hujah beliau.¹⁶ Maka penulisan ini tidak sesuai dijadikan sumber yang kuat dalam membantu penulisan kajian pengkaji.

Jawiah Dakir dalam bukunya *Sumbangsah Wanita* memberi gambaran jelas tentang golongan wanita di Tanah Melayu dari segi pendidikan, isu serta cabaran yang dihadapi, kedudukan, personaliti serta peranannya dalam sosial masyarakat Melayu.¹⁶ Penulisan ini agak padat dalam mengetengahkan bagaimana pendidikan wanita Melayu sebelum merdeka yang terkekang dengan sikap tradisional orang Melayu yang mengehadkan ruang lingkup seorang wanita itu hanya pada keluarga dan rumahtangga sahaja. Antara perkara yang cuba dibangkitkan adalah bagaimana mentaliti ibu bapa

¹⁶ Jawiah Dakir. (2000). *Sumbangsah Wanita*. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.





Melayu yang memandang enteng keperluan pendidikan formal terhadap anak-anak perempuan merupakan cabaran terbesar golongan wanita ini untuk mendapatkan pendidikan yang sewajarnya. Penulis turut menerangkan tentang keadaan ini yang mulai berubah sedikit demi sikit dengan berkembangnya institusi pendidikan setelah Tanah Melayu merdeka.

Apa yang menarik ialah penulis turut mengupas isu perbezaan gender dan personaliti wanita dan lelaki. Penulis menggambarkan dengan jelas bahawa peranan golongan lelaki ini dianggap lebih dominan dalam masyarakat. Kebanyakan isu berhubung dengan perkembangan manusia tidak membincangkan kelakuan khusus wanita sebagaimana tumpuan yang diberikan kepada golongan lelaki. Tidak dapat dinafikan bahawa kajian penulis amat membantu dalam memahami suasana pendidikan



Walau bagaimanapun, penulisan ini lebih memberi tumpuan tentang peranan wanita dalam masyarakat. Berkenaan pendidikan dan pencapaian yang diperoleh oleh golongan wanita tidak dijelaskan secara terperinci. Penulisan ini banyak menggunakan rujukan sumber sekunder dan mengandungi idea, pandangan dan kritikan daripada penulis sendiri. Walaupun penulisan ini tidak boleh dijadikan rujukan utama oleh pengkaji, namun kandungannya masih boleh dijadikan panduan dalam kajian ini.





1.9 Definisi istilah

Pendidikan

Pendidikan ialah aktiviti perkembangan dan penyuburan pemikiran serta kuasa-kuasa semula jadi melalui pembelajaran yang sudah dirancang, meliputi pendidikan formal dan bukan formal.¹⁷ Pendidikan juga boleh ditakrifkan sebagai satu proses mencungkil kemampuan atau bakat individu yang menjadikannya insan berguna terhadap masyarakat dan negara. Pendidikan dalam konteks kajian ini ialah pendidikan sekolah Melayu di bawah pentadbiran kolonial British dari tahun 1914 hingga 1957. Pendidikan di sekolah Melayu ini telah menjadi pengukur dalam peningkatan mobiliti sosial anak-anak perempuan Melayu, terutama apabila mereka berjaya untuk menceburi bidang perguruan.



Kerjaya

Kerjaya ialah satu perkerjaan yang perlu diwujudkan dalam kehidupan seseorang.¹⁸ Kerjaya juga boleh didefinsikan sebagai suatu aktiviti yang dilakukan oleh seseorang secara berterusan dan memperoleh imbuhan melaluinya. Dalam konteks kajian, kerjaya guru menurut pengkaji adalah kerjaya yang kurang diceburi oleh golongan perempuan Melayu. Ini didorong oleh kesukaran mendapatkan pendidikan bagi anak-anak perempuan, menyebabkan tidak ramai di antara mereka mampu memiliki pendidikan yang tinggi dan berjaya menjadi seorang guru.

¹⁷ Najeemah Md. Yusof. (2006). *Konsep Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional. Hlm 1.

¹⁸ Omar Awang. (2008). *Panduan Memilih Kerjaya*. Selangor: Media Energi. Hlm 1.





Guru Perempuan

Guru-guru perempuan sekolah Melayu dalam konteks kajian ini adalah mereka yang terdiri daripada lepasan sekolah Melayu yang kemudiannya berkhidmat sebagai guru sekolah Melayu. Guru-guru perempuan sekolah Melayu pada sekitar tahun 1914 hingga 1957 digambarkan sebagai guru yang mengajar di sekolah-sekolah Melayu tanpa mendapatkan latihan perguruan yang mencukupi.¹⁹

Sekolah Melayu

Sekolah Melayu dalam konteks kajian ialah sekolah-sekolah Melayu yang ditubuhkan di bawah pentadbiran kerajaan kolonial British sekitar tahun 1914 hingga 1957. Sekolah-sekolah Melayu di Johor dalam tempoh kajian kurang mendapat sambutan dari

anak-anak perempuan Melayu kerana sikap ibu bapa yang kurang terbuka dalam memberikan pendidikan kepada anak-anak perempuan mereka.

1.10 Pembahagian bab

Bab 1: Pengenalan

Bab pertama iaitu Bab Satu merupakan pengenalan penyelidikan kepada penulisan ilmiah yang dilakukan oleh pengkaji. Dalam bab ini, pengkaji menerangkan secara ringkas aspek-aspek yang dibincangkan di dalam kajian ini. Pengkaji menjelaskan berkenaan dengan had atau batasan aspek yang ingin dikaji dalam kajian ini

¹⁹ Muhammad Ridzuan Bin Idris. (2016). *Perkembangan Pendidikan Wanita Melayu Di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1896-1941*. Disertasi Fakulti Sastera Dan Sains Sosial Universiti Malaya, Kuala Lumpur.





berdasarkan kepada subjek, kawasan dan prospek tahun yang dipilih. Selain itu, pengkaji juga menyatakan kepentingan, objektif dan kaedah yang dilaksanakan dalam membuat penyelidikan ini. Bagi mendapatkan maklumat awal tentang aspek pengkajian, pengkaji turut memberi ulasan berkenaan dengan kajian-kajian lepas yang telah dilakukan oleh pengkaji sebelum ini. Pengkaji turut menyelitkan akar permasalahan atau persoalan kajian yang membantu fokus pemahaman terhadap kajian yang dilaksanakan.

Bab 2: Latar Belakang Pendidikan Masyarakat Melayu Di Johor

Bab kedua menerangkan tentang latar belakang di dalam aspek kajian pengkaji. Menerusi bab ini, pengkaji menerangkan berkenaan sejarah latar belakang pendidikan dalam kalangan masyarakat di negeri Johor. Di dalam latar belakang pendidikan masyarakat di Johor, pengkaji menerangkan sistem pendidikan yang terdapat di negeri ini mengikut dasar yang diperkenalkan oleh British. Kemudian, pengkaji telah menyatakan sistem pendidikan yang digunakan pada era sebelum merdeka termasuklah sekolah Inggeris, sekolah vernakular yang terdiri daripada sekolah Melayu, sekolah Cina dan sekolah India serta sekolah agama.

Bab 3: Perkembangan Pendidikan Guru-Guru Perempuan Sekolah Melayu Di Johor

Dalam bab ketiga pula, pengkaji menjelaskan tentang latar belakang pendidikan guru-guru perempuan sekolah Melayu di Johor. Latar belakang pendidikan guru-guru perempuan ini diuraikan secara terperinci berdasarkan rekod-rekod, laporan, serta apa sahaja sumber-sumber primer dan sekunder yang boleh dipercayai. Anak-anak





perempuan Melayu didapati mengalami kesukaran dalam mendapatkan pendidikan formal. Anak-anak perempuan ini menghadapi cabaran bukan sahaja dalam mendapatkan pendidikan yang sewajarnya, namun juga menghadapi kesukaran dalam melibatkan diri dalam bidang pekerjaan sebagai guru sekolah. Di dalam bab ini, pengkaji menerangkan secara terperinci tentang pendidikan yang diterima oleh anak-anak perempuan Melayu serta latihan perguruan yang diperoleh bagi melayakkan mereka menjadi tenaga pengajar di sekolah-sekolah Melayu. Seperti yang dihuraikan di dalam bab dua, penjelasan yang lebih jelas dan padat dibincangkan di dalam bab tiga mengenai pendidikan di Johor.

Bab 4: Kemudahan Perkhidmatan Awam Yang Diperolehi Oleh Guru-Guru Perempuan Melayu Di Johor



Menerusi bab keempat, pengkaji telah mengupas tentang kemudahan dan kebijakan yang diterima oleh guru-guru perempuan sekolah Melayu di Johor. Kemudahan dan kebijakan ini merujuk kepada beberapa aspek seperti gaji, elaun, kemudahan pembiayaan, peminjaman dana, kenaikan pangkat, cuti bersalin dan lain-lain. Di dalam bab ini, pengkaji mengupas isu yang berlaku berkaitan perbezaan layanan yang diterima antara guru-guru perempuan dan guru-guru lelaki sekolah Melayu. Pengkaji juga membincangkan dengan lebih dalam berkenaan ketidaksamarataan hak yang diterima antara guru-guru perempuan dan guru-guru lelaki ini yang sekaligus menjurus kepada isu diskriminasi terhadap guru-guru perempuan sekolah Melayu.





Bab 5: Isu Dan Cabaran Yang Dihadapi Guru-Guru Perempuan Sekolah Melayu Di Johor

Di dalam bab kelima, penulis membincangkan isu dan cabaran yang dihadapi oleh guru-guru perempuan sekolah Melayu di Johor. Bab ini mengetengahkan kesukaran yang dihadapi oleh guru-guru perempuan sekolah Melayu dalam memegang jawatan mereka sebagai tenaga pengajar. Pengkaji menyentuh cabaran yang dihadapi guru-guru perempuan ini bermula daripada proses mendapatkan pendidikan sehingga berjaya menjadi seorang guru. Isu dan cabaran yang dihadapi dalam sektor pendidikan juga dikupas dengan mendalam oleh pengkaji terutama dalam isu pembayaran gaji yang meliputi perbezaan gaji guru lelaki dan guru perempuan.

Bab 6: Rumusan



Akhir sekali adalah bab 6 iaitu bab kesimpulan yang merupakan penutup kepada pengkajian ini. Dalam bab ini, pengkaji telah merumuskan secara keseluruhan hasil dapatan kajian yang dibuat. Pengkaji mengulas semula hasil kajian yang telah dibuat pada bab satu, dua, tiga dan empat mengikut pandangan dan kefahaman pengkaji. Bab ini menjelaskan sama ada hipotesis yang dibuat tercapai atau sebaliknya.





1.11 Kesimpulan

Selepas membuat tinjauan kajian lepas, pengkaji berminat untuk latar pendidikan serta kerjaya guru-guru perempuan sekolah Melayu di Johor bermula dari zaman kolonial British sehingga merdeka. Hal ini demikian kerana belum ada kajian khusus dan terperinci mengenai kerjaya guru-guru perempuan sekolah Melayu serta isu dan cabaran yang dihadapi dalam bidang pendidikan. Campur tangan British dalam bidang pendidikan membawa peluang yang lebih besar dan jelas terhadap taraf pendidikan anak-anak Melayu. Namun begitu, hak anak-anak perempuan Melayu terkekang kerana sikap tradisional para ibu bapa yang tidak menginginkan anak perempuan untuk belajar di sekolah.

